9 KESELAMATAN TEMPAT TINGGAL TANGGUNGJAWAB BERSAMA	TP1	Menyatakan contoh ancaman keselamatan di kawasan kediaman	49		
	TP2	Menghuraikan kepentingan mengekalkan keselamatan kawasan kediaman	50		
	TP3	Menunjuk cara mengekalkan keselamatan kawasan kediaman dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	51		
	TP4	Mendemonstrasi cara mengekalkan keselamatan kawasan kediaman dalam pelbagai situasi	52		
	TP5	Mengambil bahagian dalam aktiviti menjaga keselamatan di kawasan kediaman	53		
	TP6	Mengambil bahagian dalam aktiviti menjaga keselamatan di kawasan kediaman secara tekal atau boleh dicontohi	53		
Tahap Penguasaan Unit 9 TP 1 <input type="checkbox"/> TP 2 <input type="checkbox"/> TP 3 <input type="checkbox"/> TP 4 <input type="checkbox"/> TP 5 <input type="checkbox"/> TP 6 <input type="checkbox"/>					
10 KEMUDAHAN AWAM DIJAGA BERSAMA	TP1	Menyatakan kepentingan kemudahan awam kepada masyarakat	54		
	TP2	Menjelaskan kesan vandalisme	55		
	TP3	Menunjuk cara menjaga kemudahan awam dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	56, 57		
	TP4	Mendemonstrasi cara menjaga kemudahan awam dalam pelbagai situasi	58		
	TP5	Mengamalkan sikap menjaga kemudahan awam dalam kehidupan seharian	59		
	TP6	Mengamalkan sikap menjaga kemudahan awam dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	59		
Tahap Penguasaan Unit 10 TP 1 <input type="checkbox"/> TP 2 <input type="checkbox"/> TP 3 <input type="checkbox"/> TP 4 <input type="checkbox"/> TP 5 <input type="checkbox"/> TP 6 <input type="checkbox"/>					

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) Menguasai	(X) BELUM Menguasai
11 MASYARAKAT PRIHATIN ALAM TERPELIHARA	TP1	Menyatakan cara menjaga alam sekitar	60		
	TP2	Menerangkan kesan menjaga alam sekitar	61, 62		
	TP3	Menunjuk cara menjaga alam sekitar dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	62		
	TP4	Menunjuk cara menjaga alam sekitar dalam pelbagai situasi	63		
	TP5	Mengamalkan sikap proaktif dalam mengurus alam sekitar	64		
	TP6	Mengamalkan sikap proaktif dalam mengurus alam sekitar secara tekal atau boleh dicontohi	64		
Tahap Penguasaan Unit 11 TP 1 <input type="checkbox"/> TP 2 <input type="checkbox"/> TP 3 <input type="checkbox"/> TP 4 <input type="checkbox"/> TP 5 <input type="checkbox"/> TP 6 <input type="checkbox"/>					
12 REMAJA BERHEMAH HARAPAN NEGARA	TP1	Menyatakan ciri remaja berhemah	65		
	TP2	Menerangkan kepentingan menjadi remaja berhemah	66		
	TP3	Menunjuk cara perlakuan remaja berhemah dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	67		
	TP4	Mendemonstrasi perlakuan berhemah dalam pelbagai situasi	68		
	TP5	Mengamalkan perlakuan berhemah untuk meningkatkan imej negara dalam kehidupan seharian	69		
	TP6	Mengamalkan perlakuan berhemah dalam masyarakat secara tekal atau boleh dicontohi	70		
Tahap Penguasaan Unit 12 TP 1 <input type="checkbox"/> TP 2 <input type="checkbox"/> TP 3 <input type="checkbox"/> TP 4 <input type="checkbox"/> TP 5 <input type="checkbox"/> TP 6 <input type="checkbox"/>					
BIDANG 4 : MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG					
13 PATUHI ETIKET KELUARGA HARMONI	TP1	Menyatakan etiket di rumah	71		
	TP2	Menerangkan kepentingan etiket di rumah	72		
	TP3	Menunjuk cara etiket di rumah dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	73		
	TP4	Mendemonstrasi etiket di rumah dalam pelbagai situasi	74		
	TP5	Mengamalkan etiket di rumah dalam kehidupan seharian	75		
	TP6	Mengamalkan etiket di rumah dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	76		
Tahap Penguasaan Unit 13 TP 1 <input type="checkbox"/> TP 2 <input type="checkbox"/> TP 3 <input type="checkbox"/> TP 4 <input type="checkbox"/> TP 5 <input type="checkbox"/> TP 6 <input type="checkbox"/>					
14 HINDARI KETAGIHAN HIDUP SEJAHTERA	TP1	Menyatakan perlakuan ketagihan yang membawa mudarat	77		
	TP2	Menjelaskan kesan ketagihan yang membawa mudarat	78		
	TP3	Menunjuk cara mengatasi ketagihan yang membawa mudarat dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	79		
	TP4	Mempraktikkan cara mengatasi ketagihan yang membawa mudarat dalam pelbagai situasi	80		
	TP5	Menghindari diri daripada terlibat dalam ketagihan yang membawa mudarat dalam kehidupan seharian	81		
	TP6	Menghindari diri daripada terlibat dalam ketagihan yang membawa mudarat dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	81		
Tahap Penguasaan Unit 14 TP 1 <input type="checkbox"/> TP 2 <input type="checkbox"/> TP 3 <input type="checkbox"/> TP 4 <input type="checkbox"/> TP 5 <input type="checkbox"/> TP 6 <input type="checkbox"/>					

UNIT	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) Menguasai	(x) BELUM Menguasai
15 PATUHI PERATURAN SEKOLAH	TP1	Menyatakan peraturan sekolah	82		
	TP2	Menjelaskan kepentingan mematuhi peraturan sekolah	84		
	TP3	Mendemonstrasi cara mematuhi peraturan sekolah dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	85		
	TP4	Mempraktikkan cara mematuhi peraturan sekolah dalam pelbagai situasi	86		
	TP5	Mematuhi peraturan sekolah dalam kehidupan seharian	87		
	TP6	Mematuhi peraturan sekolah dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	87		

Tahap Penguasaan Unit 15

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

16 KENALI HAK KANAK-KANAK	TP1	Menyatakan hak asasi kanak-kanak	88		
	TP2	Menjelaskan kepentingan melindungi hak asasi kanak-kanak	89		
	TP3	Menunjuk cara melindungi hak asasi kanak-kanak dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	90		
	TP4	Mendemonstrasikan cara melindungi hak asasi kanak-kanak dalam pelbagai situasi	91		
	TP5	Mengambil tindakan supaya hak asasi kanak-kanak terpelihara dalam kehidupan seharian	92		
	TP6	Mengambil tindakan supaya hak asasi kanak-kanak terpelihara dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	92		

Tahap Penguasaan Unit 16

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

17 RASUAH MUSUH NEGARA	TP1	Menyatakan contoh perbuatan rasuah	93, 94		
	TP2	Menjelaskan kesan rasuah	95, 96		
	TP3	Mempraktikkan cara menghindari rasuah dalam sesuatu situasi dengan bimbingan	97		
	TP4	Mendemonstrasikan cara menghindari rasuah dalam pelbagai situasi	97		
	TP5	Menghindari rasuah dalam kehidupan seharian	98		
	TP6	Menghindari rasuah dalam kehidupan seharian secara tekal atau boleh dicontohi	98		

Tahap Penguasaan Unit 17

TP 1

TP 2

TP 3

TP 4

TP 5

TP 6

NILAI UNIVERSAL BAGI KSSM PENDIDIKAN MORAL

Nilai	Maksud Nilai
Kepercayaan kepada Tuhan	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
Bertanggungjawab	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
Berdikari	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.
Harga diri	Berupaya menjaga maruah diri.
Kerajinan	Usaha yang berterusan, bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
Berterima kasih	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
Patriotisme	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
Kebebasan	Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang.
Keberanian	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
Kejujuran	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
Rasional	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.
Baik hati	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri dan orang lain dengan memberikan bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
Hemah tinggi	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia.
Hormat	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan institusi sosial.
Kasih sayang	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
Kerjasama	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
Kesederhanaan	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
Toleransi	Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri demi kesejahteraan hidup diri dan orang lain.

NOTA EKSPRES

UNIT

1


Kenali Moral

Cadangan Nilai:

- Rasional
- Baik hati
- Kebebasan
- Kesederhanaan
- Bertanggungjawab

Maksud Moral

1. Moral berasal daripada bahasa Latin, iaitu *mores*.
2. Perkataan moral membawa maksud tingkah laku yang baik, betul dan diterima, sejajar dengan kehendak agama, norma masyarakat, peraturan dan undang-undang.



Moral membolehkan kita membezakan tingkah laku yang baik atau buruk.

Contoh Tingkah Laku Bermoral

1. Menghormati orang tua dan guru.
2. Mentaati ibu bapa.
3. Saling membantu sesama jiran.
4. Menolong individu yang ditimpa kesusahan.
5. Bercakap dengan sopan.
6. Mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.
7. Mengucapkan salam kepada orang lain.
8. Membantu rakan-rakan.
9. Menziarahi orang sakit.
10. Memberi salam kepada guru.



Membantu guru mengangkat buku latihan.

Contoh Tingkah Laku Tidak Bermoral

1. Menipu.
2. Bergaduh dengan orang lain.
3. Memukul haiwan seperti kucing dan anjing.
4. Tidak mematuhi ajaran agama.
5. Melanggar undang-undang negara.
6. Tidak menghormati guru dan orang tua.
7. Membuang sampah di merata-rata tempat.
8. Mengambil barang orang lain tanpa kebenaran.
9. Mempermalukan orang lain secara fizikal atau verbal.
10. Tidak melaksanakan tugas atau tanggungjawab yang diberikan.


Perlakuan Baik, Benar dan Patut

1. Tindakan dianggap betul jika sejajar dengan tugas dan tanggungjawab, dan salah jika bertentangan dengan konsep baik dan benar.

2. Perlakuan baik, benar, dan patut oleh seseorang akan menjadikan kehidupan masyarakat lebih harmoni dan bahagia, seterusnya mewujudkan negara yang aman dan sejahtera.
3. Individu yang bermoral perlulah berkelakuan baik, benar dan patut.
4. Terdapat perbezaan antara perlakuan baik, benar dan patut.

Perlakuan baik	<p>(a) Tingkah laku yang diterima oleh masyarakat.</p> <p>(b) Memberi faedah atau bagus apabila menggunakannya. Ia merujuk kepada perasaan dalaman individu terhadap sesuatu yang telah digunakannya.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berkelakuan sopan dengan ibu bapa. • Membantu guru dan rakan di sekolah. • Meminta maaf ketika melakukan kesalahan.
Perlakuan benar	<p>(a) Tingkah laku yang betul berasaskan fakta dan bukti yang sah.</p> <p>(b) Betul dan mengandungi ciri-ciri penjelasan nilai, mempunyai fakta-fakta, sebab-sebab dan bukti-bukti yang sah atau diterima oleh majoriti.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akur kepada peraturan dan undang-undang. • Memaafkan rakan yang melakukan kesalahan. • Bercakap benar dengan guru.
Perlakuan patut	<p>(a) Tingkah laku yang sesuai dibuat dan diterima oleh anggota masyarakat.</p> <p>(b) Dalam tindakan, terdapat unsur 'seharus', 'mesti' atau 'sesuai' serta unsur bertindak secara waras dan bijaksana.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membantu orang tua melintas jalan. • Bersalaman ketika meminta maaf. • Menegur kelakuan buruk rakan sekelas.

Contoh Perlakuan Baik, Benar dan Patut



Perlakuan baik

Zulkifi melaporkan tindakan rakan kelas yang sedang menconteng meja kepada guru kelas.

Perlakuan benar

Murid yang menconteng meja telah mengakui perbuatan dia.

Perlakuan patut

Guru kelas mengenakan hukuman ke atas murid yang menconteng meja.

Kepentingan Perlakuan Baik, Benar dan Patut

Perlakuan baik


Hubungan sesama masyarakat lebih mesra.

Perlakuan benar

Dipercayai rakan-rakan, keluarga dan masyarakat.

Perlakuan patut

Membuat keputusan dengan tepat.



Individu yang bermoral seharusnya mengamalkan perlakuan yang baik, benar dan patut dalam kehidupan harian.

UNIT 2 Insan Bermoral Pilihan Hidup

Cadangan Nilai:

- Baik hati
- Kejujuran
- Harga diri
- Hemah tinggi
- Kepercayaan kepada Tuhan

Insan Bermoral

1. Insan bermoral ialah individu yang berfikiran, berperasaan dan mengamalkan perlakuan yang baik dalam semua tindakannya.
2. Seseorang insan yang bermoral tidak akan melakukan perbuatan yang tidak bermoral dan bertentangan dengan nilai norma dan peraturan dalam sesebuah masyarakat.
3. Ciri-ciri insan bermoral terdiri dari aspek pemikiran, perasaan dan perlakuan.

Pemikiran

- Berfikiran rasional
- Dapat membezakan baik dan buruk
- Dapat membuat keputusan
- Dapat menyelesaikan masalah

Perasaan


- Gembira
- Sedih
- Kecewa
- Simpati
- Empati
- Prihatin

Perlakuan

- Bersikap adil
- Berbudi pekerti
- Berperikemanusiaan
- Hormat-menghormati
- Bertindak mengikut undang-undang

Contoh Tingkah Laku Insan Bermoral

1. Mematuhi peraturan sekolah.
2. Memberi salam ketika berjumpa dengan guru.
3. Menjaga maruah diri dan keluarga.
4. Tidak khianat dengan rakan sebaya.
5. Menjalankan amanah yang diberikan.
6. Mempertahankan kedaulatan negara.



Mencintai negara, menghormati negara.

Kepentingan Menjadi Insan Bermoral

Diri

- Kehidupan yang aman dan harmoni
- Mendapat balasan baik daripada Tuhan

Keluarga

- Melahirkan keluarga bahagia
- Tradisi keluarga berkekalan

Masyarakat

- Komuniti bermuafakat
- Saling bertolak ansur dan menghormati

Alam

- Memelihara dan memulihara alam
- Mencegah penularan wabak penyakit

Negara

- Kehidupan rakyat sejahtera
- Memelihara imej negara



Memilih kehidupan yang bermoral.

UNIT 3 ▷▷ Hidup Bermoral Pemangkin Kesejahteraan

Cadangan Nilai:

- Toleransi
- Kejujuran
- Harga diri
- Kerjasama
- Hemah tinggi
- Berterima kasih

Kepentingan Mempelajari Moral

1. Menjadi insan yang berakhlak mulia
 - (a) Berbakti kepada keluarga, masyarakat, negara dan bangsa.
 - (b) Contohnya, sentiasa menjaga nama baik diri dan keluarga serta mengamalkan perlakuan yang sopan pada setiap masa.
2. Mengamalkan integriti
 - (a) Beramanah dan mengikut undang-undang.
 - (b) Contohnya, menjalankan tanggungjawab dengan amanah.
3. Mempunyai nilai seجات
 - (a) Menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni sesama manusia dan alam sekitar.
 - (b) Contohnya, sentiasa menghormati orang lain dan menyayangi haiwan.
4. Membentuk perpaduan
 - (a) Bekerjasama untuk mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum, bahasa, budaya dan agama.
 - (b) Contohnya, sentiasa menghormati budaya kaum lain dan tidak mempersendakan adat resam kaum lain.



Bertegur sapa dengan jiran apabila bertemu.

5. Mengamalkan kesejahteraan seجات
 - (a) Menghindari persengketaan.

- (b) Contohnya, menjaga alam sekitar serta mengelakkan perselisihan faham dan pertelingkahan dengan orang lain.

Cara Hidup Bermoral dan Tidak Bermoral

1. Cara hidup bermoral merangkumi aspek fizikal, mental dan sosial.

Cara hidup bermoral

- Bijak menangani stres
- Suka membantu
- Menepati masa
- Bersikap jujur
- Beradab
- Berintegriti
- Mengambil makanan berkhasiat dan seimbang
- Melakukan aktiviti bersenam

2. Cara hidup tidak bermoral memberikan pelbagai kesan negatif dari aspek kesihatan dan maruah diri.

Cara hidup tidak bermoral

- Merokok
- Melakukan perbuatan sumbang
- Lumba haram
- Membuli
- Fitnah
- Mencuri
- Melepak
- Membazir
- Mencederakan diri
- Penyalahgunaan dadah

Kepentingan Mengamalkan Cara Hidup Bermoral

1. Membentuk akhlak yang mulia.
2. Menjadi suri teladan kepada rakan-rakan yang lain.
3. Imej diri dan keluarga terpelihara.
4. Dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat.
5. Masa depan terjamin.

Kesan Terlibat dalam Cara Hidup Tidak Bermoral

1. Imej diri dan keluarga terjejas.
2. Tidak disukai oleh orang ramai.
3. Masa depan yang gelap.
4. Didenda dan dipenjarakan.

Kenali Moral

PBD Maksud Moral



Buku Teks ms. 2

1. Moral adalah tingkah laku yang baik, betul dan diterima, sejajar dengan kehendak agama, norma masyarakat, peraturan dan undang-undang.

SP
1.1.1

Tandakan (✓) perbuatan-perbuatan yang selaras dengan maksud tersebut.

TP 1




PBD Perlakuan Baik, Benar dan Patut

2. Padankan pernyataan yang menjelaskan perlakuan baik, benar dan patut.

TP 2

SP
1.1.2



3. Banding dan bezakan perlakuan baik, benar dan patut berdasarkan situasi di bawah

TP 2

SP
1.1.2

Afifi mengembalikan dompet yang dijumpai kepada pelajar yang kehilangan tanpa mengambilnya.

Afifi membantu pelajar yang kehilangan dompetnya dengan mencari dompet tersebut.

Afifi membantu rakan yang memerlukan dan mengembalikan dompet yang dijumpai.

Baik	Afifi membantu pelajar yang kehilangan dompetnya dengan mencari dompet tersebut.
Benar	Afifi mengembalikan dompet yang dijumpai kepada pelajar yang kehilangan tanpa mengambilnya.
Patut	Afifi membantu rakan yang memerlukan dan mengembalikan dompet yang dijumpai.

4. Berdasarkan situasi di bawah, nyatakan tindakan yang wajar berdasarkan perlakuan baik, benar dan patut.

SP Nyatakan kepentingan perlakuan tersebut.

1.1.3

TP 3

KBAT
Menilai

(a)



Baik: Membantu ibu memasak di dapur

Benar: Membantu ibu menyediakan hidangan

Patut: Menghidangkan makanan yang telah siap

Kepentingan: Wujud hubungan yang mesra antara ahli keluarga

(b)



Baik: Hakim melaporkan kepada guru disiplin

Benar: Jamil mengakui kesalahan

Patut: Guru disiplin mengenakan hukuman dan Jamil berjanji tidak akan mengulangi perbuatan tersebut

Kepentingan: Menjaga disiplin sekolah

(c)



Baik: Murid-murid memberi tumpuan ketika belajar

Benar: Murid-murid menyiapkan kerja yang diberikan

Patut: Murid-murid bertanyakan soalan kepada guru

Kepentingan: Membina disiplin diri yang baik dan memperoleh kejayaan dalam pembelajaran

5. Berdasarkan situasi di bawah, nyatakan perlakuan baik, benar dan patut yang perlu ditunjukkan.

TP 4

SP
1.1.5

KBAT
Mengaplikasi

Situasi

Perlakuan

(a) Anda melihat seorang orang tua ingin melintas jalan.

Membantu dengan memimpin tangan orang tua itu untuk melintas jalan

(b) Anda melihat seekor kucing yang tercedera terbaling di tepi jalan.

Memberikan rawatan bantu mula atau membersihkan luka yang dialami

(c) Rakan anda menghadapi kesukaran dalam memahami mata pelajaran Sejarah.

Menerangkan mata pelajaran Sejarah kepada rakan sehingga dia dapat memahaminya

CETUS IDEA



PENDIDIKAN SIVIK

Nilai Teras: Kasih sayang
Tajuk: Ihsan terhadap Manusia dan Haiwan
Konteks: Diri

Literasi Sivik

Pengetahuan: Menjelaskan cara perlakuan ihsan terhadap manusia dan haiwan
Sosioekonomi: Menyayangi haiwan
Tindakan: Menunjukkan perbuatan baik terhadap haiwan

Aktiviti:

1. Guru membahagikan murid kepada 3/ 6/ 9 kumpulan.
2. Guru meminta setiap kumpulan melihat tayangan video tentang misi menyelamatkan haiwan dalam laman YouTube.
3. Guru meminta setiap kumpulan membuat kesimpulan berkaitan video.

6. Berdasarkan petikan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SP
1.1.4
1.1.5

Ketika perjalanan pulang dari sekolah, anda terlihat sesuatu bergerak-gerak di dalam longkang. Dengan rasa ingin tahu, anda mendekati longkang itu dan terkejut mendapati seekor kucing kecil yang terperangkap di dalamnya.

(a) Apakah perasaan anda apabila berada dalam situasi tersebut? Jelaskan perasaan anda.

KBAT
Menilai

Sedih

Kucing itu mungkin ketakutan dan kelaparan

(b) Anda perlu menyelamatkan kucing kecil tersebut. Ceritakan tindakan anda.

Saya akan berusaha menyelamatkan kucing kecil itu. Saya akan mencari ibunya jika ada berhampiran. Jika ibunya tiada, saya akan membawa kucing kecil itu pulang dan membersihkannya.

(c) Bagaimanakah anda boleh menjadi contoh kepada rakan-rakan dan keluarga anda setelah berhadapan dengan peristiwa tersebut?

KBAT
Mengaplikasi

Saya akan pastikan kucing kecil tersebut sihat dan dijaga dengan baik. Saya akan memberi makanan yang secukupnya. Saya juga akan memberi rawatan sepanjang dalam jagaan saya. Saya akan menjaga kucing kecil tersebut jika tidak berjumpa dengan ibu kucing.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)



Unit 1



PRAKTIS KBAT

1. Berdasarkan situasi yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Wei Ming dan Jia Hong merupakan kawan baik. Mereka menyertai suatu pertandingan reka cipta anjuran pihak sekolah. Jia Hong sangat berharap untuk memenangi tempat pertama dalam pertandingan tersebut. Oleh itu, dia membuat persediaan yang rapi. Apabila keputusan pertandingan diumumkan, Wei Ming mendapat tempat pertama, manakala Jia Hong mendapat tempat kedua. Wei Ming berpeluang untuk menyertai pertandingan reka cipta pada peringkat negeri. Jia Hong sangat kecewa dan menganggap Wei Ming menjadi penyebab dia tidak mendapat tempat pertama. Wei Ming mendapati bahawa Jia Hong sengaja mengelakkan diri daripadanya. Wei Ming berasa serba salah dan dia ingin memberikan penjelasan kepada Jia Hong.

(a) Pada pandangan anda, wajarkah Jia Hong menunjukkan sikap dingin kepada Wei Ming? Berikan **dua** sebab.

KBAT
Menilai

- Tidak wajar
- Jia Hong perlu menerima keputusan pertandingan dengan hati yang terbuka.
- Jia Hong perlu menyedari bahawa pertandingan dan persahabatan adalah dua perkara yang berbeza.

(b) Jelaskan **dua** ciri insan bermoral yang perlu ditunjukkan oleh Wei Ming dalam usaha berbaik semula dengan Jia Hong.

KBAT
Menganalisis

- Berfikiran rasional – Mengetahui bahawa keputusan pertandingan, iaitu mendapat tempat kedua akan menyebabkan Jia Hong berasa kecewa.
- Dapat menyelesaikan masalah – Memberikan sokongan moral kepada Jia Hong bahawa dia telah melakukan usaha yang terbaik dan menggalakkannya untuk terus berusaha bagi memenangi tempat pertama dalam pertandingan reka cipta pada masa akan datang.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN

Skor

/60

Masa: Dua jam

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.

Bahagian A

[20 markah]

- Moral berasal daripada perkataan _____.
 A *mores* C *morals*
 B *morels* D *more*
- Contoh perbuatan yang **tidak** bermoral ialah
 A memberi makanan kepada kucing jalanan
 B bermain permainan *online* sehingga lewat malam
 C membantu orang OKU
 D menghormati guru-guru
- Antara yang berikut, yang manakah kepentingan bertingkah laku patut?
 A Membantu untuk membuat keputusan yang betul dan tepat
 B Dipercayai dan diyakini oleh orang lain
 C Hubungan dengan orang lain akan menjadi lebih mesra
 D Membantu membuat keputusan yang sesuai dan diterima oleh masyarakat
- Insan bermoral ialah
 A individu yang berfikir baik dalam semua tindakannya
 B individu yang berfikir, berperasaan baik dalam semua tindakannya
 C individu yang berfikir, berperasaan dan mengamalkan perlakuan baik dalam semua tindakannya
 D individu yang berfikir, berperasaan dan mengamalkan perlakuan baik dalam semua tindakannya termasuk yang disengajakan
- Kita akan disenangi rakan jika kita
I berfikir positif
II mengharapkan balasan
III bersangka baik
 A I dan II
 B I dan III
 C II dan III
 D I, II dan III
- Berikut adalah kepentingan mempelajari Moral **kecuai**
 A menjadi insan yang membahagiakan orang sekeliling
 B mengatasi isu-isu sejagat demi kesejahteraan bersama
 C membentuk perpaduan dalam masyarakat
 D mengulangi kesilapan yang silam
- Teliti maklumat di bawah.

Cara hidup Lam Kui Kui

 - Bijak menangani stres
 - Menepati masa
 - Mengotakan janji

Bagaimanakah Lam Kui Kui dapat menjadikan dirinya seorang yang bermoral?
 A Mendengar nasihat guru
 B Berkawan dengan rakan yang nakal
 C Sentiasa ponteng kelas
 D Menderhaka terhadap ibu bapa

PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Skor

/60

Masa: Dua jam

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.

Bahagian A

[20 markah]


- Moral bermaksud tingkah laku yang baik, betul dan diterima, sejajar dengan _____.
A keperluan agama, bangsa dan negara
B peraturan dan undang-undang negara
C kehendak diri, masyarakat dan negara tercinta
D kehendak agama, norma masyarakat, peraturan dan undang undang
 - Contoh perbuatan yang bermoral seperti berikut **kecuali**
A menepati masa
B suka berbohong
C rajin membantu rakan
D bijak dalam menangani stres
 - Antara yang berikut, yang manakah **bukan** kepentingan mempelajari Moral?
A Mengelakkan integriti
B Menjadi insan yang berakhlak mulia
C Membentuk masyarakat bersatu padu
D Mengatasi isu-isu sejagat demi kesejahteraan bersama
 - Teliti maklumat di bawah.

Nama: Julia Kaur Tempat Ibadat: X Perayaan: Vaisakhi Agama: Sikh
--

Apakah **X**?

A Kuil	C Tokong
B Gereja	D Gurdwara
 - Cara saya mengembangkan potensi diri adalah dengan
A meniru potensi diri rakan-rakan
B berimajinasi seorang diri di dalam bilik air
C bertanya keluarga atau rakan-rakan tentang potensi diri sendiri
D mencari idea baharu daripada pelbagai sumber seperti bahan bacaan dan Internet
 - Anda dan rakan-rakan bermain bola sepak di padang sekolah. Salah seorang rakan anda telah terjatuh dan tercedera.
Apakah tindakan anda?
A Meneruskan permainan
B Memberitahu keluarganya
C Membiarkan rakan dan pulang ke rumah
D Berdoa sahaja agar rakan tersebut sembuh
 - Sebagai seorang yang mempunyai ciri insan bermoral, kita hendaklah
I bersikap boros
II berbudi pekerti
III berperikemanusiaan
IV bertindak mengikut undang-undang
A I, II dan III
B I, II dan IV
C II, III dan IV
D I, II, III dan IV
- "Sahabat boleh dicari. Keluarga tidak boleh diganti "
- Pilih pernyataan yang **tidak** benar berkaitan dengan kata-kata tersebut.
A Menjaga perasaan keluarga dan menerima nasihat yang diberikan

4. Terdapat segelintir remaja yang terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat seperti menghisap rokok elektronik (*vape*). Aktiviti seperti ini perlu dijauhi oleh remaja kerana memberikan kesan kepada remaja. Lengkapkan peta pelbagai alir di bawah.



[5 markah]

Bahagian C

[20 markah]

5. Bacakan petikan di bawah, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BENTONG: Pihak polis telah menahan dua remaja lelaki yang disyaki melarikan barang kemas seorang wanita di kawasan kediamannya di sini. Wanita tersebut melaporkan kejadian berlaku sekitar jam 6.30 petang ketika dia membersihkan laman seorang diri di hadapan rumah.

- (a) Jelaskan ancaman yang berlaku dalam berita tersebut.

- Ragut
- Kehilangan harta benda yang berharga
- Mangsa trauma
- Nyawa tidak selamat walaupun di rumah sendiri

[3 markah]